



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PROGRAM ASPIRASI GEMILANG 'A' GREAT EASTERN LIFE
CHILDRENCARE**

**MENARA GREAT EASTERN,
JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
27 JUN 2015 (SABTU)**

<SALUTASI>

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam mesra

1. Pertamanya, Alhamdulillah dan syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNYA dapat kita bersama-sama pada hari ini bersempena dengan Majlis Penyampaian Hadiah Program Aspirasi Gemilang 'A' Great Eastern Life Childrencare yang diadakan khas untuk meraikan kanak-kanak institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang cemerlang dalam peperiksaan akademik tahun 2014.
2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (GEL) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis yang penuh bermakna ini.
3. Saya difahamkan bahawa Majlis Penyampaian Hadiah ini merupakan kesinambungan kepada Program Aspirasi Gemilang 'A' Great Eastern Life yang telah dimulakan pada tahun 2013. Saya percaya Majlis Penganugerahan ini menjadi satu majlis yang dinanti-nantikan terutamanya bagi anak-anak yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam akademik mereka. Saya yakin anak-anak yang berada di dewan ini sekarang berasa amat teruja untuk naik ke atas pentas dan menerima Anugerah masing-masing sebagai tanda pencapaian dan

pengiktirafan ke atas usaha-usaha mereka selama ini. Tahniah dan syabas di atas kejayaan anak-anak semua.

4. Saya difahamkan sebanyak 108 "A" telah diperolehi di dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014 pula terdapat peningkatan jumlah "A" yang diperolehi oleh kanak-kanak di dalam peperiksaan utama ini iaitu sebanyak 133 "A".
5. Terima kasih dan penghargaan kepada Great Eastern Life yang masih sudi meneruskan Program Aspirasi Gemilang 'A' pada tahun ini.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati,

6. Jumlah kanak-kanak di negara ini pada tahun 2014 mencecah 9.8 juta orang atau 34 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Anak-anak ini bakal menjadi kumpulan yang mencorak pembangunan dan halatuju negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program-program khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan.
7. Sehubungan dengan itu, JKM telah menyediakan serta menjalankan program-program seperti program pembangunan sahsiah diri, latihan kemahiran, akademik, ceramah, kempen kesedaran, kempen keselamatan, seminar dan banyak lagi. Program-program ini diadakan kepada kanak-kanak yang berada di institusi JKM dan di luar institusi supaya semua kanak-kanak yang *vulnerable* mendapat hak mereka yang sepatutnya dan seterusnya membangunkan potensi diri mereka.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati,

8. Potensi diri kanak-kanak yang berada di institusi kanak-kanak juga menjadi salah satu fokus utama JKM di mana kanak-kanak menjalani pelbagai program berbentuk pendidikan, keagamaan, kebudayaan, kesukanan dan kaunseling. Pendidikan secara formal dan tidak formal diberikan kepada setiap kanak-kanak sebagai bekalan kepada mereka apabila keluar daripada institusi nanti. Dengan memiliki kecemerlangan akademik, adalah diharapkan kanak-kanak mampu untuk berdikari dan menjadi individu yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan.
9. Dalam usaha menggalakkan kanak-kanak ini untuk terus gigih dan bermotivasi dalam menjalani program pembangunan diri, JKM telah mengadakan kerjasama strategik dengan Great Eastern Life (GEL) dalam memberi dorongan dan pengiktirafan kepada kanak-kanak

institusi JKM supaya terus cemerlang dalam bidang akademik. Melalui GEL kanak-kanak diberi buku rujukan dan peralatan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan serta memberi ganjaran kepada kanak-kanak bagi setiap 'A' yang diperolehi dalam peperiksaan utama. Program ini merupakan program jangka masa panjang bagi menggalakkan lebih ramai kanak-kanak di institusi agar terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik agar suatu hari nanti menjadi insan yang dapat menyumbangkan jasa dan bakti mereka kepada negara. Saya amat berharap kerjasama strategik ini dapat diteruskan di masa hadapan bagi melahirkan lebih ramai kanak-kanak yang berdaya maju dalam bidang pendidikan dan mampu bersaing di pasaran pekerjaan satu hari nanti.

10. Selain sumbangan dalam kemajuan akademik kanak-kanak di institusi, Great Eastern Life juga sentiasa memberi sumbangan dalam penganjuran program-program JKM antaranya membiayai kanak-kanak institusi menonton persembahan Teater "*P.Ramlee The Musical -The Legend Return*" pada bulan Oktober 2014. Justeru, saya menyeru Great Eastern Life ChildrenCare untuk terus mengadakan program-program berbentuk pendidikan, kesihatan dan pembangunan diri kepada kanak-kanak di institusi mahupun yang berada di luar institusi.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati,

11. Selain menyediakan pendidikan akademik kepada kanak-kanak di institusi, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah mengambil inisiatif memperkenalkan program latihan kemahiran bagi melatih kanak-kanak di institusi kemahiran tertentu sebagai persediaan apabila mereka keluar dari institusi. Program latihan kemahiran yang dijalankan ini melibatkan beberapa bidang yang berkait rapat dengan industri dalam negara seperti kimpalan, elektrik, binaan bangunan, automotif, jahitan, bakeri, masakan dan pertanian. Bidang-bidang ini dipilih untuk dilaksanakan di institusi kerana mempunyai potensi kebolehpasaran yang tinggi bagi pelatih-pelatih ini mendapat pekerjaan setelah keluar dari institusi.
12. Bagi memastikan kualiti latihan kemahiran ini berkualiti, JKM telah menggunakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard/ NOSS) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) selaku penyelaras latihan kemahiran di Malaysia dan diiktiraf oleh pihak industri. Selain itu, Jabatan turut berusaha memastikan institusi terlibat diiktiraf oleh JPK sebagai Pusat Bertauliah (Accreditation Centre) bagi menjalankan

Program Persijilan Kemahiran Malaysia. Ianya bertujuan untuk memastikan semua pelatih dilengkapi dengan sijil kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi membolehkan mereka mempunyai daya saingan apabila memasuki pasaran pekerjaan.

13. Sehingga tahun 2014, seramai 226 orang kanak-kanak telah menerima Sijil Kemahiran yang diiktiraf. Pada tahun ini, Kementerian juga menasaskan seramai 200 orang lagi kanak-kanak untuk menerima sijil kemahiran yang diiktiraf oleh syarikat-syarikat industri. Selain itu, JKM juga telah berjaya menubuhkan 8 buah institusi kanak-kanak berdaftar sebagai Pusat Bertauliah dan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Yang Berbahagia Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Hadirin Yang Dihormati,

14. Suka saya menyatakan di sini bahawa, Kementerian amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan Kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak. Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan.
15. Sebenarnya jalinan perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela kebajikan dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama". Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara bersendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak.
16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Dato' Koh Yaw Hui, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di atas sumbangan yang telah diberikan kepada Kementerian. Ucapan syabas dan tahniah sekali lagi di atas kejayaan menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Program Aspirasi Gemilang 'A' Great Eastern Life Childrencare pada kali ini.
17. Tidak dilupakan anak-anak yang berada di hadapan saya ini yang saya kasihi dan sayangi sekalian. Tahniah di atas kejayaan cemerlang anak-anak semua! Mudah-mudahan kejayaan yang diperoleh pada hari ini

akan menjadi titik permulaan kepada kecemerlangan dalam hidup pada masa akan datang.

18. Sekalung ucapan syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pihak yang terlibat serta bertungkus lumus dalam menjayakan majlis pada hari ini.
19. Dengan harapan dan doa agar usaha murni ini mendapat keberkatan Ilahi, **dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Program Aspirasi Gemilang 'A' Great Eastern Life Childrencare.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warrahmatulahi Wabarakatuh.